

14 NOV 2000

OIC-Pernyataan

OIC GESA SUPAYA "PENJENAYAH PERANG" ISRAEL DIHUKUM

Oleh: Muin Abdul Majid

DOHA (QATAR), 14 Nov (Bernama) -- Para pemimpin Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengakhiri sidang kemuncak mereka di sini dengan mengutuk keganasan Israel ke atas rakyat Palestin dan menggesa majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu menggerakkan siasatan antarabangsa bagi menyiasat pembunuhan rakyat Palestin.

Mereka juga menggesa Majlis Keselamatan menubuhkan sebuah tribunal antarabangsa bagi menghukum "penjenayah-penjenayah perang" Israel yang bertanggungjawab terhadap pembunuhan itu.

Perkara ini terkandung dalam pernyataan yang dikeluarkan selepas perbincangan selama dua hari oleh pemimpin 56 negara anggota OIC.

"OIC menggesa masyarakat antarabangsa memikul tanggungjawab berhubung dengan perlindungan antarabangsa kepada penduduk Palestin di Al-Quds Al-Sharif dan wilayah-wilayah Palestin yang lain," kata para pemimpin itu dalam pernyataan berkenaan.

OIC juga menggesa negara anggota yang berhasrat untuk menjalin hubungan dengan Israel supaya memutuskan hubungan termasuk hubungan ekonomi sehingga negara yahudi itu mematuhi resolusi-resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Malaysia diwakili pada sidang kemuncak di Doha itu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain itu, para pemimpin OIC mengulangi pendirian bahawa Baitulmaqdis adalah ibu negeri negara Palestin yang merdeka dan menolak percubaan untuk melenyapkan kedaulatan Palestin di sana.

Mereka mendesak masyarakat antarabangsa terutama Majlis Keselamatan supaya memaksa Tel Aviv menarik balik kepungan ke atas Baitulmaqdis, menjamin kebebasan beribadat di sana dan tidak memusnahkan rumah-rumah dan tidak menarik balik kad pengenalan daripada warga Palestin serta mengusir penduduk Arab dari bandaraya itu.

Para pemimpin itu juga meminta Iraq dan Majlis Keselamatan menyertai dialog bagi melaksanakan obligasi Iraq seperti terkandung dalam resolusi Majlis Keselamatan serta menamatkan sekatan ke atas Baghdad.

Mengenai globalisasi, para pemimpin itu menggesa bagi penubuhan entiti Islam bagi menghadapi persaingan antarabangsa dalam perdagangan akibat globalisasi dan menggesa mereka memajukan teknologi komunikasi dan maklumat.

Para pemimpin itu menarik perhatian bahawa liberalisasi perdagangan tidak menguntungkan negara membangun dan menekankan tentang perlunya bagi langkah-langkah ke arah sistem perdagangan pelbagai hala dengan menggalakkan penyertaan semua negara membangun.

Mereka juga menggesa supaya disegerakan proses penerimaan negara membangun termasuk negara anggota OIC yang memohon menganggotai Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan menegaskan bahawa unsur politik tidak harus menghalang proses ini.

OIC memberi mandat kepada Setiausaha Agung pertubuhan itu untuk mengeluarkan arahan-arahan bagi menyiapkan kajian bagi menubuhkan kesatuan pasaran kewangan Islam dan rumah penjelasan, stok dan bon.

Sementara itu, para pemimpin berikrar dalam Perisytiharan Doha itu untuk meneruskan usaha untuk memberi gambaran sebenar mengenai Islam.

Mereka juga menggesa bagi memperbaiki prestasi institusi kewangan antarabangsa bagi mengelakkan krisis dan ketidakstabilan yang dialami oleh sistem kewangan dunia.

-- BERNAMA
MAM ZS FAZ